

Sarojini Naidu

(1879-1949) Penulis, penyair dan seorang pemimpin yang terkemuka sebelum kemerdekaan India. Presiden Indian National Congress dan gabenor wanita yang pertama India selepas kemerdekaannya.

□ "Keadilan, adalah idea unggul dari Islam, kerana semasa saya membaca Al-Qur'an saya dapati ia mengandungi prinsip-prinsip hidup yang dinamik, tidak mistik tetapi memaparkan etika pratikal yang sesuai untuk kehidupan harian bagi setiap bangsa di dunia."

□ "Ianya agama yang pertama yang mengajar dan mempraktikkan demokrasi, demokrasi di dalam Islam di serapkan lima kali sehari di mana, di masjid, apabila azan dilaungkan dan kaum Muslim berkumpul, seorang raja dan seorang miskin akan sujud sebelah menyebelah dan menyebut; "Allah Maha Besar". Saya masih lagi bingung dengan keupayaan Islam di dalam mengiratkan tali persaudaraan antara mereka."

[Kuliah atas "The Ideals of Islam;" lihat *Speeches And Writings Of Sarojini Naidu*, Madras, 1918, ms. 167-9]

* * * * *

Arnold J. Toynbee

(1889-1975) Ahli Sejarah British, Pensyarah di Oxford University.

□ "Penghapusan kebanggaan bangsa antara Muslim adalah satu pencapaian unggul dalam Islam, dan dimasa ini, kebetulan, kita memang memerlukan satu propaganda bagi asset Islam ini."

[*Civilization On Trial*, New York, 1948, ms. 205]

* * * * *

William Montgomery Watt

(1909-) Professor (Emeritus), Arabic and Islamic Studies di University of Edinburgh.

□ "Saya bukan seorang Muslim pada biasanya, walaupun saya berharap saya adalah seorang "Muslim" yang "berserah kepada Tuhan," tetapi saya percaya apa yang termaktub di dalam Al-Quran dan di dalam medianya yang lain mengandungi banyak lagi kebenaran yang murni yang harus dipelajari oleh saya dan rakan-rakan. Dan, Islam sudah tentunya mempunyai ciri-ciri sebagai sumber asas untuk satu dari agama yang akan datang."

[*Islam And Christianity Today*, London, 1983, ms. ix.]

Untuk Mengetahui lebih lanjut mengenai Islam, lawati:

<http://al-islam.org/faq/>

v1.0

*Yang mendengarkan perkataan, lalu mereka turut mana yang
sebaik-baiknya. Mereka itulah orang-orang yang ditunjuki*

Allah dan mereka itulah orang yang berakal

(Surah Az-Zumar, Ayat 18)

**Apa penganut agama lain
memperkatakan tentang ...**

Islam

AGAMA YANG PALING LAJU
BERKEMBANG DI DUNIA

Ini adalah koleksi mengenai Islam dari berbagai personaliti bukan Islam, termasuk golongan terpelajar, penulis, cendekiawan, penyair, ahli politik, and aktivis dari Timur dan Barat. Sepanjang pengetahuan kami tidak satupun di antara mereka memeluk agama Islam. Kata-kata mereka ini memaparkan persepsi persendirian mereka terhadap berbagai aspek agama Islam.

Bertrand Russell

(1872-1970) Ahli pilosopi British, ahli hisab, dan penerima anugerah Nobel, dimana kepakaran beliau dalam analisis logik telah banyak mempelupuri jalan bagi pilosopi abad ke dua puluh.

- "Perkataan "Zaman Gelap" pada tahun 699 ke 1,000 adalah lebih kepada Eropah Barat... Dari India hingga Sepanyol, keagungan tamadun Islam berkembang. Apa yang hilang kepada Kristianiti pada waktu ini bukanlah kehilangan tamadun, tetapi sebaliknya... Pada pendapat kami, nampaknya tamadun Eropah Barat hanyalah tamadun yang sempit."
[*History of Western Philosophy*, London, 1948, ms. 419]

★ ★ ★ ★ ★

Hamilton Alexander Roskeen Gibb

(1895-1971) Seorang ahli cendiakawan agung di masa beliau

- "Islam masih ada lagi tugasan di dalam perjuangan kemanusiaan. Ianya mempunyai pendekatan Timur yang lebih, berbanding dengan Eropah, ia mempunyai tradisi yang unggul di dalam perhubungan dan kerjasama antara bangsa yang berlainan. Tidak ada sosiati yang lain yang mempunyai rekod kejayaan didalam memperjuangkan keadilan, peluang, dan perjuangan berbagai bangsa manusia... Islam masih lagi mempunyai kuasa bagi menyama ratakan apa yang selama ini tidak dapat disama ratakan di dalam elemen bangsa dan tradisi. Jika sampai tahap di mana perbalahan antara Timur dan Barat ini dapat di gantikan dengan kerjasama, maka pendekatan Islam tidak boleh di lupakan. Di dalamnya terkandung jawapan kepada masalah yang di hadapi oleh jalinan Eropah dan Timur."
[*Whither Islam*, London, 1932, ms. 379.]
- "Perubahan yang dibawa oleh Muhammad telah menaikkan taraf wanita secara amnya tidak dapat disangkalkan lagi."
[*Mohammedanism*, London, 1953, ms. 33]

★ ★ ★ ★ ★

James A. Michener

(1907-1997) Penulis Amerika yang unggul; penerima ijazah kedoktoran dalam lima bidang dari 30 universiti dan dikurniakan Presidential Medal of freedom, kurniaan tertinggi awam Amerika.

- "Tidak ada agama di dalam sejarah yang telah berkembang selaju Islam. . . Pihak Barat percaya bahwa perkembangan ini adalah berdasarkan dengan pedang. Tetapi cendiakawan moden tidak lagi menerima idea ini, dan Al-Quran terang-terang menyokong kebebasan beragama."
[*Islam - The Misunderstood Religion*, Readers' Digest (Edisi Amerika) May 1955]

Edward Gibbon

(1737-1794) Ahli Sejarah Terunggul di masa beliau.

- "'Aku naik saksi bahwa tiada tuhan lain yang ku sembah melainkan Allah dan Muhammad itu persuruh Allah,' adalah rangkap yang begitu mudah dan tepat mengenai Islam. Keagungan Tuhan yang tidak akan langsung tergugat dengan mana-mana ikon yang nampak di mata; kedaulatan nabi mereka yang tidak pernah melanggar lunas-lunas manusia yang mulia, dan prinsip kehidupannya yang mendorong penghargaan pengikut-pengikutnya terhadapnya berlandaskan akal dan agama."
[*History Of The Saracen Empire*, London, 1870, ms. 54.]
- "Sistemnya lebih suci dari sistem Zoroaster, lebih liberal dari undang-undang Musa, agama Islam mungkin lebih konsisten dengan pemikiran akal bebanding dengan kepercayaan karut dan misteri, yang telah mencemarkan gospel di abad ke tujuh."
[*The History of the Decline and Fall of the Roman Empire*, jilid 5. ms. 487]

★ ★ ★ ★ ★

Jared Diamond

Profesor Pisiologi di UCLA School of Medicine; pemerima Pulitzer Prize bagi General Non-Fiction pada 1998.

- "Islam pada zaman mediaval adalah lebih terbuka kepada rekaan-rekaan baru dan berteknologi tinggi. Ia mampu mencapai tahap pembacaan yang lebih tinggi dari Eropah di masa ini; ia menyerap legasi tamadun klasikal Greek ke tahap di mana kebanyakan buku-buku klasik ini hanya dapat kita ketahui melalui salinan dari Arab. Mereka mencipta kincir air, trigonometri, layar, dan membuat pendekatan baru di dalam ilmu logam, mekanikal and kejuruteraan kimia dan sistem perparitan. Pada abad pertengahan, peraliran teknologi adalah lebih dari Islam ke Eropah. Hanya pada abad ke enam belas peraliran pengetahuan ini berpusing sebaliknya."
[*Guns, Germs, and Steel - The Fates of Human Societies*, 1997, ms. 253]

★ ★ ★ ★ ★

Annie Besant

(1847-1933) Ahli theory British dan ketua nasionalis di India. Presiden Indian National Congress pada tahun 1917.

- "Saya berpendapat bahwa wanita Islam adalah lebih bebas dari wanita Kristian. Hak wanita Islam lebih di pertahankan oleh kepercayaan yang mengajar system monogamy ini. Di dalam Al-Quran undang-undang mengenai wanita adalah lebih adil dan liberal. Pihak Kristian di England baru sahaja menerima hak wanita terhadap harta benda sejak dua puluh tahun yang lalu, manakala Islam telah membenarkannya sejak mula lagi."
[*The Life and Teachings of Muhammad*, Madras, 1932, ms. 25, 26]